

GUNAKAN BAHASA UNTUK COVID -19

MENURUT Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Koronavirus (CoV) merupakan satu daripada keluarga virus yang menyebabkan pelbagai penyakit bermula daripada selesema sehinggalah penyakit yang lebih teruk, seperti MERS-CoV dan SARS-CoV. *Novel Coronavirus* (COVID-19) pula merujuk spesies baharu yang belum pernah ditemui dalam badan manusia.

WORLD Health Organization (WHO) pula menyifatkan COVID-19 sebagai penyakit berjangkit yang boleh berlaku melalui titisan yang keluar daripada rongga mulut apabila seseorang dengan penghidap COVID-19 bersin atau batuk. Tambahan lagi, WHO juga menyatakan bahawa COVID-19 ini boleh mengganggu saluran pernafasan sehingga menyebabkan kematian. WHO dalam usahanya untuk menghasilkan vaksin bagi merawat COVID-19 ini,

masih lagi belum ditemui dan pesakit yang bebas COVID-19 ini akan pulih secara sendiri dengan bantuan daripada pihak hospital.


COVID-19 yang bermula di wilayah Hubei, Wuhan dipercayai berpunca daripada pemakanan haiwan eksotik dan virus tersebut telah merebak ke seluruh pelusok dunia. Penularan virus yang membimbangkan seluruh

Malaysia pula secara khususnya, mencatatkan 1183 kes dan 37 kematian hingga 30 Mac 2020. Peningkatan kes penularan wabak ini amat membimbangkan negara sehingga Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020, serta Perintah Kawalan Pergerakan

Tahap 2 dilanjutkan hingga 14 April 2020. PKP juga ditegaskan lagi oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 20 Mac 2020 setelah membuat tinjauan di jalan raya dan mendapati bilangan kenderaan yang masih banyak. Usaha kerajaan ini memerlukan kerjasama semua pihak bagi menangani penularan virus yang semakin berleluasa.

Selain itu, usaha lain yang dapat dilihat melalui perkongsian seorang rakyat negara China untuk mengawal penularan wabak COVID-19. Menerusi Facebook Husna Liang, beliau berkongsi beberapa video yang menunjukkan cara rakyat Malaysia menghadapi PKP yang diarahkan oleh kerajaan. Beliau yang fasih bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu menjadikan penyampaian mesej lebih mudah difahami oleh masyarakat di Malaysia, khususnya.

Perkongsian beliau yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya juga secara tidak langsung menunjukkan keupayaan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa untuk menyampaikan sebarang bentuk maklumat. Usaha ini sepatutnya dipuji kerana peranan bahasa Melayu merentasi negara untuk menangani COVID-19. Kemahiran berbahasa yang




Husna Liang warga China menggunakan bahasa Melayu untuk berkongsi pandangan tentang PKP.

dunia telah melumpuhkan beberapa sistem negara baik dari segi ekonomi mahupun pembangunan. Laporan daripada WHO menunjukkan penularan virus COVID-19 melibatkan 184 negara, daerah, serta jajahan yang terlibat dengan kes jangkitan sebanyak 267 013 kes dan kes kematian sebanyak 11 201 (laporan data hingga 21 Mac 2020).



Pengetahuan asas
berbentuk warna,
makanan, minuman,
pakaian, dan nilai
masyarakat Melayu
yang diajar dalam
kursus membantu
pelajar asing lebih
memahami budaya
masyarakat di sini.
Pada masa yang
sama, pelajar turut
berkongsi budaya
dan adat negara dari
negara masing-masing
untuk memupuk
budaya saling
menghormati antara
satu sama lain.



dimiliki oleh Husna diperoleh semasa tempoh pengajiannya di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung memudahkan perkongsian pengalaman yang dilalui oleh beliau semasa tempoh PKP yang dijalankan di negara China.

Perkongsian pengalaman beliau ini juga dapat memberikan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia kerana Husna merupakan warga negara China yang mengharungi tempoh kesukaran sepanjang penularan virus ini di negaranya. Masyarakat negara kita akan lebih memahami tentang kepentingan PKP yang diputuskan oleh kerajaan.

Pada sisi lain pula, perkongsian ini juga memperlihatkan peranan bahasa Melayu di persada antarbangsa untuk menangani COVID-19. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang mudah dipelajari dan mampu menjadi penghubung antara negara luar dengan negara Malaysia. Kelenturan bahasa Melayu juga menjadikan bahasa Melayu bukanlah suatu bahasa yang hanya berupaya untuk mengungkapkan bidang khusus, tetapi mampu mengungkapkan pelbagai jenis bidang ilmu.

Secara umumnya, pelajar asing yang melanjutkan pelajaran di Malaysia khususnya, diwajibkan untuk mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikasi. Selain pelajar dari negara China, universiti di Malaysia juga turut menerima kunjungan daripada pelajar negara lain, misalnya seperti Korea,



Husna menunjukkan tanda pagar DUDUK DI RUMAH untuk mengelakkan penularan jangkitan COVID-19.

Jepun, Indonesia dan negara dari Timur Tengah. Setiap pelajar asing diwajibkan untuk mengambil kursus Bahasa Melayu Komunikasi sebagai pengetahuan asas dalam bahasa Melayu secara amnya. Sukatan mata pelajaran dalam kursus yang selaras dengan kehendak MQA menjadikan kursus ini sebagai satu perkongsian secara ilmiah yang memberikan nilai tambah kepada pelajar asing yang menyambung pengajian di Malaysia. Keistimewaan ini menjadikan setiap pelajar asing mempunyai kebolehan berbahasa dalam bahasa asing, yakni bahasa Melayu.

Pengetahuan asas berbentuk warna, makanan, minuman, pakaian, dan nilai masyarakat Melayu yang diajar dalam kursus membantu pelajar asing lebih memahami budaya masyarakat di sini. Pada masa yang sama, pelajar turut berkongsi budaya dan adat negara dari

negara masing-masing untuk memupuk budaya saling menghormati antara satu sama lain. Melalui kursus inilah, wujudnya kesalingfahaman antara pelajar asing yang berlainan budaya, tetapi mampu mewujudkan kesepakatan dalam perbincangan dan pembentangan dalam dewan kuliah. Penawaran kursus Bahasa Melayu Komunikasi di universiti awam dan swasta bukan hanya semata-mata memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi malah satu usaha kerajaan untuk memastikan budaya masyarakat Melayu dipelajari menerusi saluran yang sepatutnya. Oleh hal yang demikian, pelajar asing ini juga dapat menilai dengan bijak dan secara tidak langsung mengubah persepsi negatif berkenaan negara Malaysia dimata dunia.

Saluran pendidikan merupakan satu cara terbaik dalam usaha menjalinkan hubungan baik antara negara luar, bahkan turut mempromosikan Malaysia sebagai negara yang menawarkan pendidikan yang berkualiti. Dengan wujudnya pendidikan bahasa Melayu di universiti awam dan swasta, penggunaan bahasa Melayu bukan hanya terbatas dalam kalangan rakyat Malaysia, malah turut disanjung di mata dunia. Kegemilangan bahasa Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka bukanlah sejarah yang direka-reka, bahkan bukti yang akan diteruskan oleh generasi muda pada masa hadapan. **PB**